

16 JUL 2001

MAHATHIR-BAKUN

KERAJAAN BELUM PUTUSKAN PEGANGAN TNB DLM BAKUN, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Kerajaan belum memutuskan pegangan yang mungkin diambil oleh syarikat utiliti Tenaga Nasional Bhd (TNB) dalam projek elektrik hidro Bakun, kata Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Bercakap di sidang akhbar selepas perasmian Forum Tenaga Eelektrik Malaysia 2001 di sini, beliau berkata ketika ini projek Bakun adalah milik kerajaan yang juga akan membangunkan projek bernilai RM9 bilion itu.

"Tetapi jika terdapat sektor-sektor swasta yang mahu mengambil pegangan dalam Bakun, mereka dialu-alukan. Ketika ini kerajaan belum membuat sebarang keputusan," kata Perdana Menteri.

Projek itu, ketika ini dimiliki oleh Sarawak Hydro Sdn Bhd, yang dipegang secara eksklusif oleh Menteri Kewangan Diperbadan.

Pada Mei, kerajaan menyatakan ia akan menimbangkan tawaran oleh Tenaga untuk membantu dalam projek Bakun di Sarawak dan juga tawaran TNB untuk mengambil sebahagian kecil pegangan dalam projek itu.

Mengenai simpanan tenaga, Dr Mahathir mencadangkan penurunan dalam harga pembelian tenaga daripada sektor-sektor swasta agar dapat mengurangkan bebanan Tenaga dalam mengekalkan kapasiti penggantian.

Kapasiti simpanan adalah kos tambahan kepada TNB tetapi syarikat tidak mendapat hasil daripadanya, katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata industri elektrik adalah suatu yang mustahak oleh itu ia perlu mempunyai simpanan tenaga yang besar.

Angka terbaru menunjukkan bahawa kapasiti simpanan Malaysia ketika ini adalah pada 40 peratus berbanding margin sebelumnya pada 30 peratus.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan mengkaji penyusunan semula industri bekalan elektrik memandangkan pengalaman baru-baru ini yang dilihat di negara-negara lain berikutan penswastaan industri tenaga mereka.

"Pemusatan dan pembidaan tenaga untuk membekalkan elektrik tidak perlu menjadi penyelesaian terbaik untuk disasarkan dalam jangka masa pendek atau sederhana," katanya.

Dalam pemusatan kuasa, syarikat-syarikat penjanaan kuasa menawar dan menjual sebahagian besar tenaga kepada syarikat-syarikat pengedaran atau pelanggan-pelanggan utama.

Dr Mahathir berkata buat masa sekarang, pembidaan kompetitif oleh pembekal-pembekal kuasa dikatakan sebagai cara yang ideal menguruskan bekalan elektrik tetapi ini berubah dengan gangguan berterusan dalam bekalan tenaga di California, Amerika Syarikat.

Penutupan loji-loji oleh pembekal-pembekal tenaga terbabit yang gagal memperolehi kontrak, mencetuskan situasi di mana tiada kuasa gantian untuk menampung apabila permintaan meningkat secara tiba-tiba.

"Dan untuk membina loji baru mengambil masa yang panjang. Dalam tempoh itu gangguan bekalan elektrik perlu ditanggung oleh negeri-negeri maju di AS.

"Di negara dunia ketiga perkara seperti ini boleh diterima, tetapi tidak di negara maju," katanya.

Di masa hadapan, Dr Mahathir berkata kerajaan merancang untuk memperkenalkan proses pembidaan kompetitif yang lebih telus di mana penjana kuasa elektrik persendirian (IPP) boleh diharapkan untuk bersaing bagi projek kuasa baru.

Ini boleh menghasilkan struktur penetapan harga yang lebih kompetitif

dan juga harga yang paling adil jika keperluan untuk mempunyai kapasiti tambahan yang mencukupi terlintas di fikiran.

"Memenangkan tawaran boleh digunakan sebagai asas bagi kontrak pembelian kuasa jangka panjang sebagai alternatif kepada penawaran tepat masa dalam pasaran pemusatan kuasa yang mengalami masalah dan menimbulkan keraguan di merata tempat," katanya.

Mengenai perkembangan lain permintaan kemuncak elektrik di Semenanjung Malaysia telah berkembang kepada 9,948 megawatt tahun ini daripada 3,447 pada 1990. Ia diunjurkan berkembang lebih 117 peratus kepada 21,668 megawatt pada 2010.

"Dengan pertumbuhan permintaan yang besar dijangkakan di masa depan, amat perlu bagi kita untuk mencapai kecekapan tenaga yang lebih besar," kata Dr Mahathir.

Beliau menambah satu kaji selidik kerajaan mendedahkan bahawa jika sektor perindustrian dan perdagangan Malaysia digalakkan untuk membaiki dan menggunakan kecekapan tenaga mereka hanya sekadar 10 peratus, jumlah faedah yang terhasil dijangka lebih RM5.8 bilion bagi tempoh lima tahun. --

BERNAMA

MAD KTC ZK